

## PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

KELANTAN ICT GATEWAY SDN. BHD.

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan modal berbayar berjumlah RM200,000. Objektif penubuhan KIGSB berdasarkan Perlembagaan Syarikat ialah sebagai agensi sehenti dan rakan strategik dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri Kelantan.
- Penilaian terhadap aktiviti utama KIGSB bagi tahun 2019 hingga 2022 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan tiga aktiviti KIGSB iaitu pengauditan keselamatan menara telekomunikasi, aplikasi pembayaran KelantanPay serta program seminar dan latihan ICT.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit (JKA) dan Audit Dalam bagi tahun 2019 hingga 2022.
- Analisis kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai tahap pencapaian objektif penubuhan KIGSB yang menjalankan peranan sebagai agensi sehenti dan rakan strategik dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri Kelantan.

### **Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan KIGSB belum dicapai sepenuhnya. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
  - pencapaian bajet pendapatan KIGSB bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah kurang memuaskan iaitu antara 33.3% hingga 75%;
  - aktiviti KelantanPay masih belum mencatatkan keuntungan tetapi telah menunjukkan peningkatan dari segi bilangan transaksi, pendaftaran pengguna baharu dan pendapatan komisen; dan
  - objektif pengauditan keselamatan menara bagi memastikan keselamatan menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan masih belum tercapai kerana hanya 21.1% menara telekomunikasi dapat diaudit dan dipastikan keselamatannya berdasarkan notis pengauditan yang diterima;
- Kedudukan kewangan KIGSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dengan peningkatan dalam pendapatan operasi dan pengurangan dalam kerugian bagi tahun 2021 dan 2022. Bagaimanapun, KIGSB masih perlu meningkatkan usaha bagi mengurangkan kerugian terkumpul yang dicatatkan pada tahun 2022 berjumlah RM1.04 juta.
- Amalan tadbir urus korporat KIGSB berada pada tahap memuaskan namun masih boleh dipertingkatkan dengan menambah baik aspek berkaitan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.

### **Apa yang disyorkan Audit?**

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
  - memastikan teguran pengauditan keselamatan menara dibuat pembetulan oleh pemilik menara sebelum sijil dikeluarkan;

- memastikan aplikasi KelantanPay sentiasa dibuat penambahbaikan dengan mengemas kini fungsi aplikasi dari semasa ke semasa bagi meningkatkan bilangan pengguna;
- memastikan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah membincangkan pencapaian dan kedudukan kewangan syarikat yang meliputi tempoh 12 bulan dalam tahun sebelumnya supaya prestasi tahunan syarikat dapat dinilai dengan lebih tepat dan berkesan; dan
- meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam serta pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik dan KPI selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.



# PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

## 2. KELANTAN ICT GATEWAY SDN. BHD.

FAKTA UTAMA		
<b>25.07.2011</b>	<b>RM200,000</b>	<b>RM1.04 juta</b>
Tarikh ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	Modal berbayar	Kerugian terkumpul bagi tahun 2022
<b>Objektif penubuhan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebagai agensi sehenti dan rakan strategik dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri Kelantan</li><li>• Melaksana, menyelaras dan memantau Pelan Halatuju ICT negeri</li><li>• Menjalankan perniagaan lain yang sesuai dengan urusan syarikat</li></ul>	
<b>Aktiviti utama</b>	Merancang, mengurus, melaksana, mengkoordinasi serta memantau semua projek, program dan inisiatif pembangunan ICT serta digital	
<b>Jenis syarikat</b>	Syarikat Berhad Menurut Syer	

### 1. LATAR BELAKANG


1.1. Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). KIGSB ditubuhkan pada 25 Julai 2011 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar semasa berjumlah RM200,000. Syarikat mula beroperasi sepenuhnya pada 14 Oktober 2015. Objektif penubuhan KIGSB berdasarkan Perlembagaan Syarikat adalah:

- sebagai agensi sehenti dan rakan strategik dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri Kelantan;
- melaksana, menyelaras dan memantau Pelan Halatuju ICT negeri; dan
- menjalankan perniagaan lain yang sesuai dengan urusan syarikat.

1.2. KIGSB berfungsi sebagai agensi sehenti dan rakan strategik Kerajaan Negeri Kelantan dalam pembangunan ICT negeri Kelantan. Tiga aktiviti utama KIGSB ialah perkhidmatan ICT, program seminar dan latihan ICT serta pengauditan keselamatan menara telekomunikasi. Antara peranan KIGSB adalah merancang, mengurus, melaksana, mengkoordinasi serta memantau semua projek, program dan inisiatif pembangunan ICT dan digital di negeri Kelantan. KIGSB juga melaksanakan aktiviti

pengauditin integriti keselamatan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi yang berusia melebihi lima tahun di seluruh negeri Kelantan. Selain itu, KIGSB memberikan khidmat rundingan dan latihan ICT serta digital kepada agensi kerajaan dan swasta. Secara amnya, model perniagaan KIGSB adalah seperti dalam **Rajah 1**.


**RAJAH 1**  
**MODEL PERNIAGAAN KIGSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Hasil utama KIGSB ialah pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan ICT, program seminar dan latihan ICT serta pengauditin keselamatan menara telekomunikasi yang merangkumi 90.9% hingga 97.4% daripada pendapatan KIGSB bagi tahun 2020 hingga 2022. Sebagai agensi pelaksana, KIGSB melaksanakan perkhidmatan ICT merangkumi pengiklanan dan reka bentuk, aplikasi pembayaran KelantanPay (projek Kerajaan Negeri) serta program seminar dan latihan ICT. Pengauditin keselamatan menara telekomunikasi dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh KIGSB. Hasil yang diperoleh tersebut dibelanjakan bagi pengurusan aktiviti KIGSB. Maklumat aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh KIGSB adalah seperti dalam **Carta 1**.


**CARTA 1**  
**AKTIVITI YANG SEDANG DILAKUKAN OLEH KIGSB**



Sumber: KIGSB

1.4. Lembaga Pengarah KIGSB terdiri daripada sepuluh ahli iaitu tujuh pengarah berstatus bukan bebas dan tiga pengarah berstatus bebas. Pengurusan KIGSB diketuai oleh Pengurus Besar serta dibantu oleh Pengurus Operasi dan Iapan kakitangan. Pengurus Besar dilantik pada 16 Oktober 2018 sehingga kini. KIGSB mempunyai lima unit iaitu Unit Latihan dan Pembangunan Perniagaan; Unit Multimedia dan Reka Bentuk Kreatif; Unit Teknologi Maklumat; Unit Infra Komunikasi dan Digital; dan Unit Pentadbiran dan Kewangan. Struktur organisasi KIGSB setakat 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Carta 2** dan peranan setiap unit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**CARTA 2**  
**STRUKTUR ORGANISASI KIGSB SETAKAT 31 DISEMBER 2022**



Sumber: KIGSB

**JADUAL 1**  
**PERANAN SETIAP UNIT KIGSB**

UNIT	PERANAN
Latihan dan Pembangunan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang, mengurus dan mengendalikan latihan, kursus, seminar dan bengkel.</li> <li>• Menyedia dan mengendalikan program latihan atau kursus menerusi jalinan kerjasama dengan institusi, syarikat dan individu berkepakaran.</li> <li>• Menyediakan kertas kerja atau kertas cadangan bagi aktiviti yang akan dilaksanakan.</li> <li>• Mengenal pasti projek baharu.</li> <li>• Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan dari semasa ke semasa.</li> </ul>
Multimedia dan Reka Bentuk Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka bentuk dan mencetak bahan promosi berkaitan dengan multimedia.</li> <li>• Penerbitan video korporat dan montaj syarikat atau agensi mengikut keperluan pelanggan.</li> <li>• Mengurus dan menyelaras reka bentuk dan percetakan.</li> <li>• Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan dari semasa ke semasa.</li> </ul>
Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaras, menyelenggara, menyelia, memantau dan menyediakan laporan berkaitan portal dan aplikasi mudah alih KelantanPay dan KALAShop.</li> <li>• Perancangan dan reka bentuk sistem mengikut hasil analisis termasuk pembangunan sistem, bentuk pemrograman, pengujian, latihan dan <i>roll out</i>.</li> <li>• Bertanggungjawab menyelaras sebarang bentuk penyediaan dokumentasi pada setiap peringkat pembangunan sistem.</li> <li>• Menguruskan pusat data dan menjalankan kerja operasi pusat data.</li> <li>• Bertanggungjawab dalam pengurusan multimedia.</li> </ul>
Infra Komunikasi dan Digital	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangka dan menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP).</li> <li>• Mengemas kini data menara dalam sistem.</li> <li>• Menyediakan jadual dan memantau kerja audit serta menyemak dan memperakui laporan audit yang disediakan oleh perunding.</li> <li>• Menyedia laporan audit untuk diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan pembaharuan permit menara.</li> <li>• Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan dari semasa ke semasa.</li> </ul>
Pentadbiran dan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengendali aspek pengurusan pentadbiran pejabat.</li> <li>• Pengurusan hal ehwal kakitangan berhubung perjawatan, pentadbiran dan perkhidmatan.</li> <li>• Bertanggungjawab dalam urusan perakaunan dan kewangan syarikat.</li> <li>• Menyedia, merancang, mengawal dan mengurus belanjawan tahunan.</li> <li>• Mengemas kini senarai aset dan inventori pejabat.</li> <li>• Mengemas kini sistem pengurusan fail kewangan termasuk penerimaan bayaran.</li> <li>• Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan dari semasa ke semasa.</li> </ul>

Sumber: KIGSB

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan KIGSB melalui aktiviti pengauditan keselamatan menara telekomunikasi, pengurusan aplikasi pembayaran KelantanPay serta program seminar dan latihan ICT yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.

### **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Bagi pengauditan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pengauditan keselamatan menara telekomunikasi, pengurusan aplikasi pembayaran KelantanPay serta program seminar dan latihan ICT yang dilaksanakan oleh KIGSB dalam tahun 2019 hingga 2022. Berdasarkan penilaian risiko, tiga aktiviti ini dipilih kerana telah menyumbang sebanyak 62.1% kepada pendapatan KIGSB.

3.2. Dua bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai dari aspek pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan tiga aktiviti utama iaitu pengauditan keselamatan menara, pengurusan aplikasi pembayaran KelantanPay serta pelaksanaan program seminar dan latihan ICT. Pengauditan ini juga melibatkan lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam bagi tahun 2019 hingga 2022. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat KIGSB yang terletak di Bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kota Bharu. Lawatan fizikal Audit telah dijalankan terhadap 34 menara telekomunikasi yang berada di sekitar tiga jajahan iaitu Kota Bharu, Bachok dan Tumpat.

### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan KIGSB serta menganalisis data berkaitan. Lawatan fizikal Audit terhadap menara telekomunikasi telah dijalankan pada bulan September dan November 2022 untuk melihat keadaan persekitaran menara bagi menentukan sama ada menara tersebut berada dalam keadaan baik dan selamat. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, analisis dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan KIGSB tahun 2020 yang telah diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. serta penyata kewangan tahun 2021 dan 2022 yang telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar. Analisis ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan

untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

## 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KIGSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 11 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

### 5.1. Prestasi Aktiviti

#### 5.1.1. Pencapaian Output

##### 5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama

- a. KIGSB tidak menyediakan Pelan Strategik syarikat bagi tahun 2019 dan 2020. Pelan Strategik KIGSB Tahun 2021 hingga 2025 mengandungi KPI yang menetapkan sasaran tahunan yang perlu dicapai bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh KIGSB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pencapaian bagi sasaran KPI yang ditetapkan tersebut tidak dibuat penilaian dan sasaran yang dibuat tidak mengikut format KPI syarikat yang standard. KIGSB menilai sasaran dan pencapaian syarikat bagi tahun 2019 hingga 2022 melalui laporan pencapaian bajet tahunan yang dibentangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah. Sasaran bajet tahunan KIGSB yang disediakan adalah berdasarkan kepada pencapaian sebenar tahun sebelumnya kecuali bagi bajet latihan yang dibuat berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan.
  
- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati **laporan pencapaian bajet KIGSB hanya merangkumi tempoh 10 bulan iaitu dari bulan Januari hingga Oktober setiap tahun bagi tempoh 2019 hingga 2022**. Keadaan ini berlaku kerana telah menjadi amalan KIGSB membincangkan pencapaian bajet tahun semasa sehingga bulan Oktober dalam mesyuarat terakhir Lembaga Pengarah tahun tersebut dan seterusnya mesyuarat pertama tahun berikutnya akan membincangkan pencapaian bagi bulan Januari hingga Mac sahaja. Keadaan ini tidak menggambarkan pencapaian sebenar KIGSB berbanding sasaran tahunan yang ditetapkan. Selain itu, hanya laporan pencapaian bagi tahun 2019 mempunyai ulasan terperinci terhadap pencapaian

kewangan syarikat disebabkan perubahan dalam pengurusan KIGSB. Sasaran dan pencapaian bajet pendapatan KIGSB bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PENCAPAIAN BAJET PENDAPATAN KIGSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

BIL.	PENDAPATAN	TAHUN	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN * (RM)	PENCAPAIAN (%)
1.	Perkhidmatan ICT	2019	71,931	63,341	88.1
		2020	81,187	99,240	122.2
		2021	50,850	52,820	103.9
		2022	120,000	46,707	38.9
2.	Pembekalan ICT	2019	73,725	97,453	132.2
		2020	78,775	82,605	104.9
		2021	58,827	68,087	115.7
		2022	50,000	0	0
3.	Pengiklanan dan Multimedia	2019	101,053	116,107	114.9
		2020	103,728	133,909	129.1
		2021	168,752	203,368	120.5
		2022	100,000	125,022	125.0
4.	Latihan dan Seminar ICT	2019	42,480	85,450	201.2
		2020	70,000	14,140	20.2
		2021	50,000	29,760	59.5
		2022	60,000	60,790	101.3
5.	Pengauditan Keselamatan Menara	2019	TB	TB	TB
		2020	TB	TB	TB
		2021	1,570,000	399,000	25.4
		2022	3,600,000	917,000	25.5
6.	KelantanPay	2019	2,600	6	0.2
		2020	51,665	28,567	55.3
		2021	550	24,187	4,397.6
		2022	3,000	19,888	662.9
7.	KALAShop	2019	TB	TB	TB
		2020	900	0	0
		2021	9,600	12,453	129.7
		2022	2,250	0	0
8.	Program e-Ramadan	2019	TB	TB	TB
		2020	24,354	8,198	33.7
		2021	TB	TB	TB
		2022	TB	TB	TB

BIL.	PENDAPATAN	TAHUN	SASARAN (RM)	PENCAPAIAN * (RM)	PENCAPAIAN (%)
9.	Program e-Sport	2019	26,206	26,206	100
		2020	33,920	27,920	82.3
		2021	10,000	0	0
		2022	TB	TB	TB
10.	Program Pembangunan Sains dan Teknologi (PPST)	2019	100,000	158,591	158.6
		2020	17,772	15,117	85.1
		2021	99,753	99,753	100
		2022	100,000	28,630	28.6
11.	Program Celik IT Rakyat Kelantan	2019	112,500	112,500	100
		2020	112,500	112,500	100
		2021	TB	TB	TB
		2022	135,000	0	0

Sumber: Laporan Pencapaian Bajet Tahunan KIGSB

Nota: TB - Tidak Berkennaan

(\*) - Pencapaian bagi bulan Januari hingga Oktober

- c. Berdasarkan jadual di atas, **analisis Audit mendapati bagi tahun 2019, sebanyak enam (75%) daripada lapan sasaran telah dicapai. Bagi tahun 2020, daripada 10 sasaran yang ditetapkan, sebanyak empat (40%) sasaran yang ditetapkan telah dicapai. Bagi tahun 2021 pula, daripada sembilan sasaran yang ditetapkan, sebanyak enam (66.7%) telah dicapai. Bagi tahun 2022, sebanyak tiga (33.3%) telah dicapai daripada sembilan sasaran yang ditetapkan.**
- d. Pendapatan bagi aktiviti pengiklanan dan multimedia bagi tahun 2019 hingga 2022 mencapai sasaran yang ditetapkan antara 114.9% hingga 129.1%. Bagaimanapun, pendapatan bagi tahun 2022 berjumlah RM125,022 mengalami penurunan sebanyak 38.5% berbanding pendapatan pada tahun 2021 yang berjumlah RM203,368. Keadaan tersebut berlaku disebabkan KIGSB tidak lagi menjalankan peranan menguruskan sewaan papan iklan milik perbadanan induk.
- e. Aktiviti pembayaran secara dalam talian melalui aplikasi KelantanPay, pengauditan keselamatan menara dan portal KALAShop ialah aktiviti KIGSB yang baru dilaksanakan dan masih dalam peringkat pengenalan. Aplikasi KelantanPay mula beroperasi pada tahun 2019 manakala aktiviti pengauditan keselamatan menara dan portal KALAShop bermula pada tahun 2021. Oleh itu, sasaran dan pencapaian bagi aktiviti yang berkenaan adalah masih belum stabil dan sasaran

tidak dapat dibuat dengan lebih tepat. Selain itu, portal KALAShop telah mengalami masalah gangguan akses pada tahun 2022 yang menyebabkan aktiviti tersebut dihentikan.

- f. Pencapaian pendapatan KIGSB bagi aktiviti latihan dan seminar ICT serta Program Pembangunan Sains dan Teknologi (PPST) pula menunjukkan trend yang sama dengan mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2020. Pendapatan bagi aktiviti latihan dan seminar ICT berkurangan daripada RM85,450 pada tahun 2019 kepada RM14,140 pada tahun 2020 dan meningkat sedikit menjadi RM29,760 pada tahun 2021. Pendapatan bagi PPST pula berkurangan daripada RM158,591 pada tahun 2019 kepada RM15,117 pada tahun 2020 dan meningkat semula kepada RM99,753 pada tahun 2021 dan seterusnya berlaku pengurangan pada tahun 2022 kepada RM28,630. Pengurangan pendapatan yang ketara pada tahun 2020 adalah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di seluruh negara manakala pengurangan pada tahun 2022 disebabkan sebahagian besar pendapatan diperoleh selepas bulan Oktober.

#### **Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari 2023 dan 11 Jun 2023**

KIGSB mengambil maklum dan telah melaporkan pencapaian kewangan sehingga bulan Disember 2022 berserta ulasan terperinci dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2023. Syarikat juga telah membentangkan laporan pencapaian KPI operasi dan aktiviti KIGSB bagi tahun 2021 dan 2022 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2023 yang telah diadakan pada 28 Mac 2023.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Secara keseluruhannya, pencapaian bajet pendapatan KIGSB berbanding sasaran sepanjang tahun 2019 hingga 2022 adalah kurang memuaskan iaitu antara 33.3% hingga 75%.</b>
-----------------------	--

### **5.1.1.2. Prestasi Kewangan**


- a. Pendapatan operasi daripada aktiviti menyumbang kepada pendapatan utama KIGSB terdiri daripada perkhidmatan ICT, program seminar dan latihan ICT serta pengauditan keselamatan menara telekomunikasi. **KIGSB merekodkan trend peningkatan jumlah pendapatan bagi tahun 2020 hingga 2022.** KIGSB mencatatkan peningkatan jumlah pendapatan sebanyak RM311,098 (2021) dan RM521,291 (2022) berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021 dan 2022, peningkatan pendapatan operasi disumbangkan oleh sumber pendapatan baharu daripada pengauditan keselamatan menara dan peningkatan dalam pendapatan seminar dan latihan ICT.
- b. **Jumlah perbelanjaan turut menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2020 hingga 2022.** KIGSB mencatatkan peningkatan jumlah perbelanjaan sebanyak RM230,234 (2021) dan RM368,881 (2022) berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan pada tahun 2021 disumbangkan oleh peningkatan kos jualan serta kos overhead dan belanja lain manakala peningkatan pada tahun 2022 disumbangkan oleh peningkatan dalam ketiga-tiga kategori perbelanjaan iaitu kos jualan, kos kakitangan serta kos overhead dan belanja lain.
- c. KIGSB telah merekodkan **kerugian sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu tahun 2020, 2021 dan 2022.** Bagaimanapun, kerugian yang dicatat pada tahun 2022 dan 2021 menurun berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini berlaku disebabkan peningkatan pendapatan adalah lebih tinggi berbanding peningkatan perbelanjaan. Kerugian yang dialami bagi tempoh tiga tahun ini telah mengakibatkan kerugian terkumpul KIGSB bertambah menjadi RM1.04 juta pada akhir tahun 2022.
- d. Trend pendapatan dan perbelanjaan; kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul bagi tempoh tiga tahun adalah seperti dalam **Jadual 3, Carta 3** dan **Carta 4.**

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN**  
**DAN UNTUNG RUGI KIGSB BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**


BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
Pendapatan Operasi	547,484	889,428	1,373,269
Pendapatan Operasi Lain	54,576	23,730	61,180
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>602,060</b>	<b>913,158</b>	<b>1,434,449</b>
Perbelanjaan Operasi			
- Kos jualan	322,401	529,344	818,542
- Kos kakitangan	408,692	407,876	440,866
- Kos overhed dan belanja lain	109,005	133,112	179,805
Kos Kewangan	0	0	0
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>840,098</b>	<b>1,070,332</b>	<b>1,439,213</b>
<b>KERUGIAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>(238,038)</b>	<b>(157,174)</b>	<b>(4,764)</b>
Cukai	0	0	0
<b>KERUGIAN SELEPAS CUKAI</b>	<b>(238,038)</b>	<b>(157,174)</b>	<b>(4,764)</b>
<b>KERUGIAN TERKUMPUL</b>	<b>(873,482)</b>	<b>(1,030,656)</b>	<b>(1,035,420)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KIGSB Bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

**CARTA 3**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**



**CARTA 4**  
**TREND KERUGIAN SEBELUM**  
**CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL**  
**BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

- e. Analisis terhadap kedudukan jumlah aset dan liabiliti mendapati **jumlah liabiliti melebihi jumlah aset bagi tempoh tiga tahun berturut-turut** yang menunjukkan ketidakupayaan KIGSB untuk menjelaskan liabiliti syarikat. Jumlah aset menunjukkan trend peningkatan dan penurunan

disebabkan perubahan dalam aset semasa. Aset KIGSB bagi tahun 2021 berjumlah RM435,901 iaitu meningkat sejumlah RM341,595 (362.2%) berbanding RM94,306 pada tahun 2020. Bagi tahun 2022, aset KIGSB berjumlah RM159,311 iaitu menurun sejumlah RM276,590 (63.5%) berbanding tahun 2021. Antara faktor utama peningkatan nilai aset pada tahun 2021 adalah peningkatan dalam penghutang perdagangan serta tunai dan kesetaraan tunai. Penurunan nilai aset pada tahun 2022 pula disumbangkan oleh penurunan dalam penghutang perdagangan serta tunai dan kesetaraan tunai.

- f. Analisis Audit juga mendapati jumlah liabiliti turut menunjukkan trend peningkatan dan penurunan bagi tempoh yang sama. Liabiliti KIGSB bagi tahun 2021 berjumlah RM1.27 juta iaitu meningkat sejumlah RM498,769 (65%) berbanding RM767,788 pada tahun 2020. Bagi tahun 2022 pula, liabiliti berjumlah RM994,731 menurun sejumlah RM271,826 (21.5%) berbanding tahun 2021. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan jumlah liabiliti pada tahun 2021 adalah peningkatan dalam pembiayaan perdagangan, pelbagai pembiayaan dan akruan serta terhutang kepada perbadanan induk. Penurunan jumlah liabiliti pada tahun 2022 pula adalah disebabkan pengurangan dalam pembiayaan perdagangan dan terhutang kepada perbadanan induk. Maklumat terperinci jumlah aset dan liabiliti adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**KEDUDUKAN JUMLAH ASET DAN**  
**LIABILITI KIGSB BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022**

BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
Aset Bukan Semasa	17,818	11,142	4,990
Aset Semasa	76,488	424,759	154,321
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>94,306</b>	<b>435,901</b>	<b>159,311</b>
Liabiliti Bukan Semasa	0	0	0
Liabiliti Semasa	767,788	1,266,557	994,731
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>767,788</b>	<b>1,266,557</b>	<b>994,731</b>
Ekuiti	(673,482)	(830,656)	(835,420)
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<b>94,306</b>	<b>435,901</b>	<b>159,311</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KIGSB Bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

### Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari 2023

KIGSB mengambil maklum dan sentiasa berusaha menjalankan hubungan dengan agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan bagi mencari peluang baharu yang selari dengan fungsi syarikat bagi tujuan meningkatkan pendapatan syarikat.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian output bagi aspek prestasi kewangan adalah baik kerana kedudukan kewangan KIGSB adalah stabil walaupun mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM1.04 juta pada akhir tahun 2022. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai yang dialami KIGSB pada tahun 2021 dan 2022 semakin berkurangan berbanding tahun sebelumnya.**

### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan impak yang dihasilkan kesan daripada pelaksanaan aktiviti KIGSB dalam mencapai objektif pelaksanaan aktiviti atau objektif penubuhan syarikat.

#### **5.1.2.1. Mengawal Selia Elemen Integriti dan Menjamin Keselamatan Awam**

- a. Aktiviti pengauditan keselamatan menara telekomunikasi merupakan antara aktiviti utama KIGSB selaras dengan peranannya sebagai agensi sehenti dan rakan strategik Kerajaan Negeri Kelantan. Pelaksanaan aktiviti ini dibuat berdasarkan Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022, Perenggan 5(3)(g) yang menyatakan bahawa Pengguna Infrastruktur Utiliti boleh mengarahkan supaya audit keselamatan dijalankan terhadap infrastruktur utiliti, dan bagi tujuan itu boleh melantik mana-mana pihak yang layak untuk menjalankan audit keselamatan tersebut.
- b. Pekeliling Pembangunan Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2020 bertarikh 4 November 2020 pula menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah melantik KIGSB pada 17 Julai 2019 untuk melaksanakan pengauditan keselamatan terhadap menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan. Kadar bayaran yang dikenakan ke atas pemilik menara bagi pelaksanaan kerja pengauditan keselamatan oleh KIGSB ialah RM7,000 bagi setiap struktur atau menara atas tanah dan RM5,000 bagi menara atau struktur atas bumbung. Bagi tujuan ini, KIGSB dan Kerajaan Negeri Kelantan telah menandatangani perjanjian bertarikh 4 November 2020 berkaitan Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Aktiviti Pengauditan Integriti Keselamatan Menara, Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dan Struktur Menara Berkaitan di Seluruh Negeri Kelantan.

- c. Tujuan aktiviti pengauditan keselamatan menara dilaksanakan adalah untuk mengawal selia elemen integriti dan keselamatan awam menara serta struktur sistem pemancar telekomunikasi yang dipasang supaya selamat dan tidak mengancam keselamatan awam. Aktiviti ini dilaksanakan terhadap menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi yang telah dibina melebihi tempoh lima tahun sahaja dan mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2021. Bahagian Koridor Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospatial (BKI-GIS), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan akan mengeluarkan notis kepada KIGSB untuk melaksanakan pengauditan setelah permohonan atau pendaftaran dibuat oleh pemilik menara kepada BKI-GIS. Notis berkenaan mengandungi maklumat lengkap mengenai menara telekomunikasi yang perlu diaudit oleh KIGSB.
- d. Semakan Audit terhadap rekod menara telekomunikasi yang dikemukakan oleh KIGSB mendapati, sehingga bulan Disember 2022 terdapat 1,088 menara telekomunikasi yang telah dibina di seluruh negeri Kelantan. Daripada jumlah tersebut, 893 menara telah berusia melebihi lima tahun. Bagaimanapun, **hanya 188 (21.1%) menara telah berdaftar dengan BKI-GIS** dan dikeluarkan notis untuk diaudit oleh KIGSB. Bagi tempoh 2021 hingga 2022, KIGSB telah melaksanakan pengauditan keselamatan terhadap kesemua 188 menara tersebut iaitu 56 menara telah diaudit pada tahun 2021 dan 132 menara diaudit pada tahun 2022.
- e. Baki sebanyak 705 menara yang tidak mendaftar dengan BKI-GIS disebabkan pemiliknya tidak bersetuju dengan kadar bayaran pengauditan yang akan dikenakan dan tempoh kekerapan pengauditan. Pemilik menara memaklumkan kadar bayaran yang dikenakan dan kekerapan pengauditan setiap tahun adalah membebankan mereka. Selain itu, terdapat juga pemilik menara yang memaklumkan boleh melaksanakan sendiri pengauditan terhadap menara yang dimiliki. Maklumat pengauditan keselamatan menara yang telah dilaksanakan oleh KIGSB adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Carta 5**.


**JADUAL 5**  
**MAKLUMAT PENDAFTARAN BAGI PENGAUDITAN KESELAMATAN**  
**MENARA TELEKOMUNIKASI SEHINGGA TAHUN 2022**

USIA MENARA	SEHINGGA 2022	BILANGAN MENARA			
		BERDAFTAR DAN DIAUDIT		TIDAK BERDAFTAR	
		2021	2022	JUMLAH	JUMLAH
Lebih 5 Tahun	893	56	132	188	705
5 Tahun Ke Bawah	152			TB	
Tiada Maklumat	43				
<b>JUMLAH</b>	<b>1,088</b>	<b>56</b>	<b>132</b>	<b>188</b>	<b>705</b>

Sumber: KIGSB

Nota: TB - Tidak Berkенаan

**CARTA 5**  
**STATUS PENGAUDITAN KESELAMATAN MENARA TELEKOMUNIKASI**



Sumber: KIGSB

- f. Walaupun KIGSB telah melaksanakan pengauditan keselamatan terhadap semua menara telekomunikasi berdasarkan notis daripada BKI-GIS, tetapi objektif asal aktiviti ini untuk memastikan menara serta struktur sistem pemancar telekomunikasi selamat dan tidak mengancam keselamatan awam tidak tercapai. Secara keseluruhannya, hanya 21.1% daripada menara yang berusia melebihi lima tahun telah dilaksanakan pengauditan keselamatan iaitu antara 13.5% hingga 31.2% mengikut jajahan seperti dalam **Jadual 6**. Namun begitu, pelaksanaan aktiviti ini telah menyumbang RM1.32 juta kepada pendapatan KIGSB iaitu RM399,000 bagi tahun 2021 dan RM0.92 juta bagi tahun 2022.

**JADUAL 6**  
**MAKLUMAT USIA, BILANGAN DAN PENGAUDITAN KESELAMATAN**  
**MENARA TELEKOMUNIKASI MENGIKUT JAJAHAN SEHINGGA TAHUN 2022**

BIL.	JAJAHAN	USIA MENARA (TAHUN)			JUMLAH MENARA > 5 TAHUN (UNIT)	MENARA TELAH DIAUDIT	
		6 – 10	11 – 20	> 21		(UNIT)	(%)
1.	Ketereh	40	30	7	77	24	31.2
2.	Tanah Merah	23	48	2	73	21	28.8
3.	Dabong	9	33	-	42	12	28.6
4.	Jeli	6	26	2	34	9	26.5
5.	Kuala Krai	17	18	1	36	9	25.0
6.	Gua Musang	47	74	-	121	30	24.8
7.	Bachok	35	10	1	46	11	23.9
8.	Pasir Puteh	37	14	3	54	10	18.5
9.	Pasir Mas	19	51	12	82	15	18.3
10.	Tumpat	14	35	7	56	10	17.9
11.	Kota Bharu	45	171	4	220	30	13.6
12.	Machang	29	17	6	52	7	13.5
<b>JUMLAH</b>		<b>321</b>	<b>527</b>	<b>45</b>	<b>893</b>	<b>188</b>	<b>21.1</b>

Sumber: KIGSB

### **Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari 2023**


Keputusan baharu telah dikeluarkan oleh BKI-GIS melalui Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan pada 15 Februari 2023 mengenai pelaksanaan pengauditan keselamatan menara telekomunikasi. Kekerapan pengauditan telah dikurangkan kepada lima tahun sekali bagi menara berusia melebihi lima tahun dan dua tahun sekali bagi menara berusia melebihi 10 tahun. Kadar fi audit sejumlah RM7,000 bagi menara atas tanah dan RM5,000 bagi struktur atas bumbung dikekalkan. Selain itu, pemilik menara juga boleh memilih untuk melantik pihak lain bagi melaksanakan pengauditan dan hanya perlu membayar fi pemeriksa berjumlah RM2,000 (menara atas tanah) dan RM1,500 (struktur atas bumbung) kepada KIGSB.

**Pendapat Audit** | **KIGSB telah berjaya melaksanakan pengauditan keselamatan terhadap semua menara telekomunikasi yang berdaftar dengan BKI-GIS dengan baik, tetapi objektif asal aktiviti pengauditan keselamatan menara diwujudkan tidak dapat dicapai.**

#### **5.1.2.2. Meningkatkan Pembayaran Secara Elektronik Melalui Penggunaan Aplikasi KelantanPay**

- a. Mengikut Pelan Strategik KIGSB 2021 hingga 2025 dan Profil Syarikat KIGSB, antara objektif aplikasi KelantanPay adalah untuk meningkatkan penggunaan pembayaran secara elektronik oleh masyarakat. Pelaksanaan aplikasi KelantanPay melibatkan kerjasama KIGSB dengan beberapa pihak iaitu pembekal perkhidmatan pembayaran (merchant) dan agensi yang menggunakan KelantanPay sebagai medium pembayaran (sub merchant) secara dalam talian. KelantanPay memberikan kemudahan kepada pelanggan membuat pembayaran seperti bil utiliti, yuran pengajian dan cukai tanah dengan menggunakan pelbagai saluran pembayaran seperti e-Wallet, perbankan dalam talian, kad debit dan kad kredit. Tangkap layar aplikasi KelantanPay adalah seperti dalam **Rajah 2**.

**RAJAH 2**  
**TANGKAP LAYAR APLIKASI KELANTANPAY**



Sumber: Aplikasi KelantanPay

- b. Semakan Audit mendapati aplikasi pembayaran KelantanPay mula digunakan pada tahun 2019. Sehingga akhir tahun 2022, KIGSB telah mewujudkan kerjasama dengan tiga *merchant* iaitu iPay88, MOLpay dan Razer manakala 17 *sub merchant* telah menjadikan KelantanPay sebagai medium pembayaran. Analisis Audit mendapati bilangan *sub merchant* telah meningkat daripada enam *sub merchant* pada tahun 2019 kepada 10 *sub merchant* pada tahun 2020, 15 *sub merchant* pada tahun 2021 dan 17 *sub merchant* pada tahun 2022 disebabkan aktiviti promosi yang dijalankan secara berterusan oleh KIGSB.
  
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati **transaksi penggunaan KelantanPay di kalangan masyarakat juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tahun 2019 hingga 2022.** Penggunaan aplikasi KelantanPay pada tahun 2019 adalah sebanyak 1,782 transaksi, meningkat kepada 43,572 transaksi pada tahun 2020 dan seterusnya meningkat kepada 109,321 transaksi pada tahun 2021. Bagi tahun 2022 pula, sebanyak 130,687 transaksi penggunaan telah direkodkan. Peningkatan bilangan transaksi yang berlaku menunjukkan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik KIGSB tercapai. Selain itu, pendaftaran pengguna baharu juga telah menunjukkan trend peningkatan dalam tempoh yang sama. Secara keseluruhannya, bilangan pengguna KelantanPay sehingga akhir tahun 2022

adalah berjumlah 15,616 iaitu meningkat hampir 10 kali ganda berbanding hanya 1,615 pengguna pada tahun 2019.


- d. KIGSB juga didapati sentiasa menjalankan aktiviti promosi dan program kesedaran bagi menarik minat golongan pengusaha dan anggota masyarakat untuk melaksanakan urusan pembayaran mereka secara dalam talian selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Antara aktiviti dan program kesedaran yang dijalankan adalah promosi melalui jelajah dan karnival GO Digital yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi Kerajaan yang lain. KIGSB juga memperkenalkan KelantanPay kepada agensi Kerajaan dan swasta melalui lawatan dan kunjungan hormat ke pejabat yang berkenaan serta penyertaan dalam aktiviti/pameran yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- e. KIGSB memperoleh pendapatan berbentuk komisen daripada penggunaan KelantanPay pada kadar yang dipersetujui melalui caj kewangan yang dikenakan terhadap pengguna. Caj kewangan tersebut akan ditanggung oleh pengguna dan dikenakan terhadap setiap transaksi mengikut kaedah bayaran yang dibuat. Semakin banyak bilangan transaksi yang berlaku menerusi penggunaan KelantanPay, maka semakin tinggi pendapatan komisen KelantanPay. Bagi tahun 2019 hingga 2022, transaksi penggunaan KelantanPay adalah sebanyak 285,362 yang menyumbang kepada pendapatan komisen KelantanPay berjumlah RM33,497. Maklumat transaksi dan trend penggunaan KelantanPay adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 6**.

**JADUAL 7**  
**PRESTASI PENGGUNAAN KELANTANPAY**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

PERKARA	TAHUN				JUMLAH
	2019	2020	2021	2022	
Pendapatan Komisen (RM)	107	2,663	12,676	18,051	33,497
Transaksi	1,782	43,572	109,321	130,687	285,362
Pendaftaran Pengguna Baharu	1,615	4,501	4,387	5,113	15,616
<i>Sub Merchant Baharu</i>	6	4	5	2	17

Sumber: KIGSB

**CARTA 6**  
**TREND PENGGUNAAN KELANTANPAY**  
**BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**



Sumber: KIGSB


**Pendapat Audit** | Aktiviti aplikasi KelantanPay telah dilaksanakan dengan cekap di mana peningkatan pendapatan KelantanPay telah menunjukkan trend yang menggalakkan.

## 5.2. Pengurusan Aktiviti

### 5.2.1. Pengauditan Keselamatan Menara Telekomunikasi

- Berdasarkan Terma 5.1 Perjanjian Pengauditan Keselamatan Menara Telekomunikasi menyatakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan pengauditan keselamatan struktur dan menara telekomunikasi dilaksanakan sebelum sesuatu permit atau lesen berkaitan dapat diperbaharui. Mengikut terma 6.1 Perjanjian pula, KIGSB perlu melaksanakan aktiviti pengauditan keselamatan menara dan struktur pemancar telekomunikasi yang berusia melebihi lima tahun secara berkala. Berdasarkan SOP Pengauditan Keselamatan Menara, selepas KIGSB mengeluarkan laporan pengauditan dan teguran pengauditan keselamatan menara telah diambil tindakan pembetulan, KIGSB akan mengeluarkan Sijil Pengauditan kepada pemilik menara bagi membolehkan permit atau lesen menara diperbaharui dengan PBT. Maklumat terperinci mengenai proses kerja pengauditan keselamatan menara adalah seperti dalam carta alir dalam **Rajah 3**.

**RAJAH 3**  
**PROSES KERJA PENGAUDITAN KESELAMATAN MENARA**



Sumber: KIGSB dan Jabatan Audit Negara

- b. Semakan Audit mendapati, KIGSB telah melaksanakan pengauditan keselamatan terhadap 188 menara yang berusia melebihi lima tahun mengikut SOP yang ditetapkan. Berdasarkan pengauditan keselamatan yang dilaksanakan, hanya 28 menara (14.9%) yang tidak memerlukan tindakan pembetulan dan telah dikeluarkan sijil manakala baki 160 menara (85.1%) menerima teguran dan dikeluarkan Notis Pembetulan yang perlu diambil tindakan dalam masa 14 hari. Bagaimanapun, tiada tindakan pembetulan diambil oleh pemilik menara terbabit dan Sijil Pengauditan tidak dikeluarkan oleh KIGSB menyebabkan permit menara tidak dapat diperbaharui di peringkat PBT yang telah menjaskan pendapatan PBT.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati **KIGSB telah mengeluarkan Sijil Sementara (Bersyarat) terhadap 160 menara yang masih belum dibuat tindakan pembetulan.** Tindakan ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengauditan Integriti Keselamatan Menara Telekomunikasi Negeri Kelantan pada 14 Februari 2022 yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Mesyuarat tersebut telah

memutuskan KIGSB perlu mengeluarkan Sijil Sementara (Bersyarat) terhadap menara yang menerima teguran audit dan pembetulan perlu dibuat dalam tempoh sebulan dari tarikh sijil tersebut dihantar. Sijil tersebut dikeluarkan bagi membolehkan pemilik menara memperbaharui permit/lesen dengan PBT.

- d. Selain daripada Notis Pembetulan yang dikeluarkan oleh KIGSB, pihak BKI-GIS juga telah mengeluarkan surat peringatan pada 19 Julai 2022 kepada pemilik menara supaya melaksanakan kerja pembetulan. Namun begitu, sehingga bulan Disember 2022 tiada tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh pemilik menara walaupun telah mencapai tempoh antara lima hingga sembilan bulan daripada tarikh sepatutnya pembetulan dibuat. Keadaan ini berlaku disebabkan pemilik menara telah menjadualkan penyenggaraan menara secara berkala dan Sijil Sementara (Bersyarat) yang dikeluarkan juga membolehkan pemilik menara memperbaharui permit atau lesen menara milik mereka. Perkara ini menyebabkan tujuan sebenar pengauditan menara telekomunikasi dilaksanakan tidak tercapai. Maklumat lanjut mengenai tempoh dan bilangan menara yang tidak dilaksanakan pembetulan selepas Notis Pembetulan dikeluarkan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**TEMPOH DAN BILANGAN MENARA YANG TIDAK**  
**DILAKSANAKAN PEMBETULAN SEHINGGA DISEMBESR 2022**

TEMPOH PEMBETULAN	TEMPOH LEWAT (Bulan)	BILANGAN MENARA
16.02.2022 hingga 16.03.2022	9	52
03.03.2022 hingga 03.04.2022	8	26
22.03.2022 hingga 22.04.2022	8	31
21.04.2022 hingga 21.05.2022	7	1
27.04.2022 hingga 27.05.2022	7	14
09.05.2022 hingga 09.06.2022	6	21
16.06.2022 hingga 16.07.2022	5	15
<b>JUMLAH</b>		<b>160</b>

Sumber: KIGSB

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembetulan yang perlu diambil tindakan oleh pemilik menara hanya melibatkan pembetulan *minor* dan tidak melibatkan struktur utama menara. Antara teguran pengauditan keselamatan menara adalah melibatkan keselamatan persekitaran menara seperti lampu penerbangan (aviation light) tidak berfungsi, kabel elektrik terdedah, longkang tersumbat, pagar rosak serta penutup *manhole* dan wayar bumi hilang. Keadaan menara yang telah dilaksanakan pengauditan keselamatan semasa lawatan fizikal Audit pada bulan September 2022 adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

**GAMBAR 1**



Kg. Pak Simpol, Bachok  
- Gambaran Menara Telekomunikasi  
3 Legged  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Kg. Pak Simpol, Bachok  
- Pagar Rosak dan Berlubang  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**




Kg. Pak Simpol, Bachok  
- Kabel Elektrik Terdedah  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Kg. Pak Simpol, Bachok  
- Kabel Elektrik Terdedah  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



Kg. Pak Simpol, Bachok  
- Penutup Manhole Tiada  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



Guchil Bayam, Kota Bharu  
- Tanah Mendap di bawah Tapak Kawasan  
Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi  
(20.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum Balas KIGSB pada 11 Jun 2023**

Pihak KIGSB telah mengeluarkan surat kepada pihak BKI-GIS pada 28 Februari 2023 bagi tujuan peringatan kepada pemilik menara untuk melaksanakan tindakan pembetulan berdasarkan teguran yang diterima.

**Pendapat | KIGSB sepatutnya mengeluarkan sijil selepas tindakan Audit pembetulan dibuat oleh pemilik menara.**

#### **5.2.2. Aplikasi Pembayaran KelantanPay**

- a. Pada 13 November 2018, KIGSB sebagai pihak pertama telah menandatangani Perjanjian untuk tujuan pemasaran KelantanPay dengan dua syarikat usaha sama. Perjanjian tersebut adalah bagi urusan pemasaran KelantanPay yang merupakan satu sistem penguatkuasaan pembayaran bersepada yang disokong dengan platform pelbagai pembayaran pintar. Tempoh perjanjian ialah selama tiga tahun iaitu dari 13 November 2018 hingga 12 November 2021 dan kini KIGSB dalam proses memperbaharui perjanjian.
- b. Mengikut Klausula 2.3.1 Perjanjian, KIGSB dan pihak kedua bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti promosi dan penerangan bagi menarik pengguna dan pihak yang berminat menjadikan aplikasi KelantanPay sebagai medium pembayaran dalam talian mereka. KIGSB juga akan menyediakan sokongan teknikal kepada pengguna KelantanPay manakala pihak ketiga iaitu syarikat vendor berperanan untuk membangunkan sistem KelantanPay.
- c. Klausula 2.4 Perjanjian menetapkan pembahagian keuntungan adalah mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan keuntungan bersih yang diperoleh daripada KelantanPay. Mengikut klausula perjanjian tersebut, KIGSB dan pihak kedua masing-masing akan memperoleh 15% daripada untung bersih manakala pihak ketiga yang merupakan syarikat vendor akan memperoleh 70% daripada keuntungan bersih aplikasi KelantanPay.
- d. Semakan Audit mendapati, KIGSB telah menjalankan aktiviti promosi dan menyediakan sokongan teknikal kepada pengguna KelantanPay. Bagi tahun 2019 hingga 2022, pendapatan KelantanPay secara keseluruhannya berjumlah RM33,497 iaitu RM107 bagi tahun 2019, RM2,663 bagi tahun 2020, RM12,676

bagi tahun 2021 dan RM18,051 bagi tahun 2022. Melalui pengiraan yang dibuat berdasarkan maklumat daripada KIGSB, aktiviti KelantanPay didapati masih belum mencatat sebarang keuntungan. Berdasarkan pendapatan (komisen) yang diperoleh selepas ditolak kos operasi KelantanPay iaitu belanja promosi dan pengiklanan, didapati **aktiviti KelantanPay mengalami kerugian bersih berjumlah RM19,366 bagi akhir tahun 2022 dan pembahagian keuntungan masih belum boleh dilaksanakan.**

- e. Maklumat terperinci pendapatan, kos operasi dan jumlah keuntungan/kerugian bersih daripada aktiviti KelantanPay adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9  
UNTUNG DAN RUGI KELANTANPAY BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

TAHUN	PENDAPATAN KOMISEN (RM)	KOS OPERASI (RM)	UNTUNG/(RUGI) BERSIH (RM)
2019	107	831	(724)
2020	2,663	19,716	(17,053)
2021	12,676	17,184	(4,508)
2022	18,051	15,132	2,919
<b>JUMLAH</b>	<b>33,497</b>	<b>52,863</b>	<b>(19,366)</b>

Sumber: KIGSB

#### Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari dan 26 Julai 2023

KIGSB mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan meningkatkan dan menambah baik promosi dan kempen secara menyeluruh termasuk kepada rakyat Kelantan di perantauan, masjid, program Jelajah Go Digital, selain meneruskan kempen sedia ada melalui media sosial bagi tujuan meningkatkan pendapatan KelantanPay.

Kertas cadangan bagi menjadikan KelantanPay sebagai platform pembayaran utama yang wajib digunakan oleh semua agensi negeri, PBT dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri di Kelantan telah dikemukakan pada 29 Mei 2023 bagi tujuan penyediaan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk mendapat kelulusan dan persetujuan MMK.

**Pendapat Audit** | **Peningkatan pendapatan aktiviti KelantanPay menunjukkan aktiviti promosi yang dijalankan oleh KIGSB mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.**

### 5.2.3. Program Seminar dan Latihan ICT

- a. Program berkaitan ICT yang terdiri daripada seminar dan latihan ICT merupakan antara aktiviti yang terawal dilaksanakan oleh KIGSB. Aktiviti tersebut dijalankan selaras dengan objektif penubuhan KIGSB sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam bidang ICT. Aktiviti berkaitan seminar dan latihan adalah terdiri daripada Program Pembangunan Sains dan Teknologi (PPST), Program Celik IT Rakyat Kelantan dan program lain seumpamanya yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi dan sebagainya. Peranan KIGSB adalah sebagai urus setia program seminar dan latihan.
- b. Bagi tahun 2019 hingga 2022, **KIGSB telah melaksanakan sebanyak 167 program, seminar dan latihan berkaitan ICT.** Semakan Audit terhadap rekod kewangan mendapati KIGSB telah memperoleh hasil yuran daripada peserta seminar dan latihan berjumlah RM25,510 serta hasil daripada jualan *booth* pameran berjumlah RM50,600. Bagi program yang melibatkan penyertaan daripada peserta kursus, untuk tempoh yang sama secara keseluruhannya sebanyak 165 program telah dilaksanakan melibatkan 3,176 peserta kursus. Terdapat juga dua program yang dilaksanakan oleh KIGSB melibatkan penyertaan secara berkumpulan yang telah disertai oleh 23 sekolah.
- c. Selain itu, pada tahun 2019 KIGSB juga melaksanakan Karnival Sains dan Teknologi 3.0 yang telah disertai oleh 53 pihak pempamer (exhibitor). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati laporan yang dikeluarkan bagi program tersebut tidak merekodkan maklumat berkaitan bilangan pengunjung yang menghadiri program yang berkenaan. Perkara ini menyebabkan pihak KIGSB tidak dapat membuat penilaian terhadap sambutan yang diterima. Maklumat lanjut berkaitan prestasi program, seminar dan latihan ICT yang dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10  
PROGRAM SEMINAR DAN LATIHAN ICT KIGSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022**

TAHUN	PROGRAM ICT	BIL. PROGRAM	PENYERTAAN
<b>PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI</b>			
2019	<i>Robotics Challenge</i> - Sumo	1	16 Sekolah
	Karnival Sains dan Teknologi 3.0	1	406 Peserta & 53 Pempamer
	<i>Stem Journey EXPO</i>	1	7 Sekolah
	Bengkel Asas Membalik Telefon Bimbit	25	206 Peserta
	Bengkel Facebook Ads (FB Ads)	22	257 Peserta

TAHUN	PROGRAM ICT	BIL. PROGRAM	PENYERTAAN
2020	Bengkel Asas Membaiaki Telefon Bimbit	3	46 Peserta
2021	Bengkel Cipta Video dan <i>Content</i> di YouTube	2	372 Peserta
	Bengkel Google My Business dan Search Engine Optimization	2	235 Peserta
	Bengkel Aplikasi Canva – <i>Beginner</i>	2	200 Peserta
	Bengkel <i>Online Marketing</i> (Basic FB Ads)	11	173 Peserta
	Bengkel <i>Basic Drone Pilot Training</i>	1	21 Peserta
	Bengkel Asas Membaiaki Telefon Bimbit	3	33 Peserta
2022	Bengkel <i>Online Marketing</i> (dari Facebook ke WhatsApp)	3	74 Peserta
	Bengkel Mahir Grafik dengan Canva	2	26 Peserta
	Bengkel Asas Membaiaki Telefon Bimbit	3	46 Peserta
	Bengkel Video <i>Smartphone</i>	2	41 Peserta
	Bengkel MyReskill IoT	1	29 Peserta
	Bengkel Pemasaran YouTube	2	21 Peserta
	Bengkel <i>Basic Drone Pilot Training</i>	1	19 Peserta
	Bengkel dari Facebook ke WhatsApp FB Ads	1	59 Peserta
	Bengkel Pemasaran Instagram & Tiktok	2	32 Peserta
<b>PROGRAM CELIK IT</b>			
2019	Bengkel <i>Online Marketing</i> (Facebook Ads)	19	225 Peserta
	Bengkel Asas Membaiaki Telefon Bimbit	13	149 Peserta
	Bengkel Microsoft Office	3	62 Peserta
2020	Bengkel Asas Membaiaki Telefon Bimbit	17	161 Peserta
	Bengkel <i>Online Marketing</i> (Facebook Ads)	13	163 Peserta
	Bengkel Reka Grafik <i>Banner</i> : Adobe Photoshop	11	121 Peserta
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>167</b>	<b>3,176 Peserta 23 Sekolah 53 Pempamer</b>

Sumber: Laporan Pelaksanaan Seminar dan Latihan KIGSB

### Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari 2023

Pihak KIGSB mengambil maklum dan akan melaksanakan kaedah yang bersesuaian bagi merekodkan bilangan pengunjung untuk setiap program yang dilaksanakan.

**Pendapat | Secara umumnya, program seminar dan latihan yang Audit dilaksanakan telah mencapai objektif serta memberikan manfaat kerana telah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam kalangan peserta program.**

### 5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat subsidiari PKINK, KIGSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat ialah Malaysian Code on Corporate Governance 2021 (MCCG 2021), The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014 serta panduan tadbir urus oleh Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Semakan Audit mendapati KIGSB hanya mengamalkan sepenuhnya dua daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi dan Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif. **Enam aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam.** Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh KIGSB adalah seperti penemuan dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT**

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	MCCG 2021 amalan 5.2: Sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah adalah berstatus bebas  MCCG 2021 amalan 2.1 panduan 2.1: Mempunyai Piagam yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab pengarah.	<ul style="list-style-type: none"><li>Lebih daripada separuh Lembaga Pengarah KIGSB adalah berstatus tidak bebas.</li><li>Piagam Lembaga Pengarah KIGSB tidak disediakan sejak syarikat ditubuhkan.</li></ul>
Setiausaha Syarikat	MCCG 2021 amalan 1.5: Lembaga Pengarah hendaklah disokong oleh Setiausaha Syarikat yang mempunyai kelulusan yang sewajarnya dan cekap untuk memberi nasihat tadbir urus yang bernes, memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prosedur serta menyokong pelaksanaan amalan terbaik tadbir urus korporat.	Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyediaan Piagam Lembaga Pengarah, status kebebasan Lembaga Pengarah serta KPI syarikat.

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Prosedur Operasi Standard (SOP)	MKD Handbook perenggan 1.9(c), perenggan 2.2(f), perenggan 3.25 hingga 3.28: Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.	SOP bagi dua aktiviti KIGSB iaitu pengiklanan dan multimedia serta seminar dan latihan tidak disediakan.
Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama	MCCG 2021 amalan 1.1: Pelan Strategik disediakan, diluluskan dan pelaksanaannya dipantau oleh Lembaga Pengarah  Green Book Bahagian 1, perenggan 3.2 dan MKD Handbook perenggan 3.33 hingga 3.35: Sasaran dan pencapaian KPI disediakan, diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>KIGSB tidak menyediakan Pelan Strategik dan KPI bagi tahun 2019 dan 2020.</li> <li>Pelan Strategik dan KPI bagi tahun 2021 dan 2022 disediakan tetapi tidak dipantau pelaksanaannya.</li> </ul>
Jawatankuasa Audit	Green Book Appendix 3: Laporan JKA hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.  Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How To Get The Most From Your Internal Audit, muka surat 5: JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan JKA tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.</li> <li>JKA tidak mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam.</li> </ul>
Audit Dalam	MCCG 2021 amalan 11.1: JKA hendaklah memastikan Audit Dalam berfungsi secara bebas, pelantikan ahli Audit Dalam diputuskan oleh JKA dan skop kerja Audit Dalam perlu jelas dan diluluskan oleh JKA.  MCCG 2021 amalan 11.1 panduan 11.1: Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, antikorupsi, <i>whistleblowing</i> dan tadbir urus. Audit Dalam berperanan untuk menyarankan penambahbaikan kepada JKA dan Lembaga Pengarah berdasarkan kelemahan proses dalaman yang telah dikenal pasti.	Audit Dalam tidak ditubuhkan di KIGSB dan hanya diaudit oleh Audit Dalam PKINK pada 22 Februari 2022. Laporan Audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit PKINK Bil. 99 (1/2022) pada 17 April 2022.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### Maklum Balas KIGSB pada 23 Februari 2023 dan 11 Jun 2023

- Komposisi ahli Lembaga Pengarah KIGSB ditentukan oleh PKINK.
- Perkara mengenai penyediaan Piagam Lembaga Pengarah telah dibincangkan di peringkat pengurusan perbadanan induk (PKINK).
- SOP bagi aktiviti pengiklanan dan multimedia serta seminar dan latihan telah disediakan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KIGSB pada 28 Mac 2023.

- Pencapaian pelaksanaan program secara umumnya telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah setiap kali mesyuarat bersidang. Pihak pengurusan KIGSB telah membuat analisis pencapaian KPI secara terperinci bagi Pelan Strategik Tahun 2022 dan telah dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KIGSB. Selain itu, Pelan Strategik Tahun 2023 juga telah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KIGSB pada 28 Mac 2023.
- Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan akan dimasukkan sebagai agenda mesyuarat yang perlu dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah mulai tahun 2023. Perjumpaan bersama Ketua Audit Dalam juga akan dilaksanakan bagi tahun 2023.

**Pendapat Audit** | Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, amalan tadbir urus syarikat masih boleh dipertingkatkan dengan menambah baik enam aspek yang tidak diamalkan sepenuhnya.

## 6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan KIGSB masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Pencapaian bajet pendapatan KIGSB bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah kurang memuaskan iaitu antara 33.3% hingga 75%. Sehingga bulan Disember 2022, aktiviti KelantanPay menunjukkan peningkatan dari segi bilangan transaksi, pendaftaran pengguna baharu dan pendapatan komisen. Aktiviti pengauditan keselamatan menara telekomunikasi telah dilaksanakan berdasarkan notis pengauditan yang diterima KIGSB tetapi objektif asal bagi memastikan keselamatan menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan masih belum tercapai kerana hanya 21.1% menara yang berdaftar. Bagaimanapun, program seminar dan latihan yang dilaksanakan oleh KIGSB telah berjaya memberikan manfaat kerana telah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam kalangan peserta program. Kedudukan kewangan KIGSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil kerana syarikat berjaya meningkatkan pendapatan operasi dan mengurangkan kerugian yang dialami pada tahun 2021 dan 2022. Bagi aspek tadbir urus korporat KIGSB, secara keseluruhannya adalah memuaskan namun masih boleh dipertingkatkan dengan menambah baik aspek berkaitan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan KIGSB serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah KIGSB perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan KIGSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. memastikan teguran pengauditan keselamatan menara dibuat pembetulan oleh pemilik menara sebelum sijil dikeluarkan;
- 7.2. memastikan aplikasi KelantanPay sentiasa dibuat penambahbaikan dengan mengemas kini fungsi aplikasi dari semasa ke semasa bagi meningkatkan bilangan pengguna;
- 7.3. memastikan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah membincangkan pencapaian dan kedudukan kewangan syarikat yang meliputi tempoh 12 bulan dalam tahun sebelumnya supaya prestasi tahunan syarikat dapat dinilai dengan lebih tepat dan berkesan; dan
- 7.4. meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam serta pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik dan KPI selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.